

# KOMITMEN ORGANISASI: FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI WARTAWAN DALAM PENERBITAN BERITA AKHBAR CETAK DI MALAYSIA

**ORGANIZATIONAL COMMITMENT: FACTORS AFFECTING JOURNALISTS IN THE  
PUBLICATION OF PRINT NEWS IN MALAYSIAN**

<sup>1</sup>Lee Kuok Tiung

<sup>2</sup>Aisah Meri

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah

<sup>1</sup>lee@ums.edu.my

<sup>2</sup>aisah.meri@ums.edu.my

<sup>3</sup>Siti Suriani Othman

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia

<sup>3</sup>suriani@usim.edu.my

<sup>4</sup>Liana Mat Nayan

Fakulti Industri Kreatif, Universiti Tunku Abdul Rahman

<sup>4</sup>liana@utar.edu.my

Tarikh dihantar: 10 April 2021 / Tarikh diterima: 28 Mei 2021

**Abstrak:** Komitmen terhadap tanggungjawab kerja dipengaruhi oleh pelbagai aspek psikologi seseorang wartawan dalam dunia kewartawanan. Kajian ini bertujuan meneliti faktor-faktor internal dan eksternal organisasi yang mempengaruhi tugas seseorang wartawan sepanjang proses penerbitan berita. Sarjana seperti Scheufele (1999) pernah berhujah sekurang-kurangnya terdapat lima faktor yang berpotensi mempengaruhi bagaimana seseorang wartawan membingkai sesebuah isu yang diberikan iaitu nilai-nilai dan norma-norma sosial, halangan dan tekanan di tempat kerja, tekanan daripada kumpulan-kumpulan berkepentingan, rutin kerja kewartawanan dan orientasi ideologi dan politik diri wartawan. Hasil dapatan kajian menggunakan kaedah survei dengan 393 orang responden yang terdiri daripada wartawan-wartawan dan editor dari 18 buah organisasi akhbar arus perdana di Malaysia menunjukkan komitmen kerja wartawan lebih dipengaruhi oleh faktor-faktor kognisi diri individu berbanding faktor-faktor eksternal organisasi. Aspek internal yang paling berpengaruh adalah daripada kluster sentimen profesionalisme wartawan disusuli oleh sentimen kerja dan kepuasan kerja. Aspek-aspek sifat organisasi, latihan yang diperolehi dan demografi wartawan turut dikenalpasti memainkan peranan penting menentukan komitmen wartawan terhadap kerja mereka. Kaedah penilaian kerja yang digunakan oleh organisasi berita telah ditunjukkan paling berpengaruh mempengaruhi komitmen organisasi. Di bawah kluster aspek kognisi individu wartawan, ideologi individu mempunyai hubungan signifikan dengan komitmen organisasi tetapi aspek ini merupakan aspek yang paling lemah berbanding aspek-aspek lain seperti menghormati ketua dan toleransi. Daripada segi faktor eksternal, perundangan komunikasi massa yang berperanan mengawal selia produk kewartawanan mempengaruhi kerja seseorang wartawan.

**Kata Kunci:** komitmen organisasi, pembingkaihan berita, profesionalisme, sentimen kerja, kepuasan kerja, sifat-sifat organisasi.

**Abstract :** Commitment to work responsibilities is influenced by various psychological aspects of a journalists in the journalistic world. The purpose of this study is to examine the internal and external factors of the organization that influence journalist's works throughout the process of news production. Scholars such as Scheufele (1999) have argued that there are at least five factors that may influence how a journalist framed a given issue, namely social values and norms, barriers and pressures at work, pressures of interest groups, routines journalistic work and the ideological and political orientation of journalists themselves. The findings of the

*study using a survey method with 393 respondents consisting of journalists and editors from 18 leading mainstream newspaper organizations in Malaysia showed that journalists' work commitments are more influenced by individual cognition factors than by the external factor. The most influential internal factors are from the cluster of journalistic professionalism followed by work sentiment and job satisfaction. Aspects like journalist's demographics, training, and the nature of the organization, also play an important role in determining journalist's commitment to their work. The work evaluation methods used by news organizations have been shown to have the greatest impact on organizational commitment. Under the cluster of individual cognitions of journalists, individual ideologies were shown to have a significant relationship with organizational commitment, but this aspect is also the weakest aspect compared to the other aspects such as respect to the leader and tolerance. In terms of external factors, mass communications legislation that regulates journalistic products affects the work of a journalist.*

**Keywords:** organizational commitment, news framing, professionalism, work sentiment, job satisfaction, organizational nature.

## PENGENALAN

Kandungan media merupakan produk hasil daripada interaksi di antara pelbagai faktor merangkumi sebarang kepentingan di dalam organisasi media, peranan media massa, sumber berita, pelbagai kumpulan-kumpulan berkepentingan (seperti *stakeholders*) dalam organisasi media, kreativiti penerbit, dan sebagainya. Pengaruh ini boleh datang dari bilik berita ataupun tekanan dari luar (*newsroom and external pressure*) dan semua ini akan mempengaruhi tatacara dan proses penyusunan berita. Proses penerbitan berita (*newsgathering process*) pada umumnya ia dipengaruhi oleh kepuasan kerja dan komitmen organisasi seseorang wartawan. Kedua-dua faktor ini mempunyai hubungan langsung dengan berita yang dihasilkan terutamanya daripada segi genre, sudut berita dan kualiti berita. Hubungan yang bersifat selari ini juga bermaksud semakin tinggi kepuasan kerja, semakin tinggi juga komitmen seseorang wartawan terhadap organisasi, di samping kualiti hasil kerja juga diandaikan akan lebih baik.

Pelbagai faktor psikologi individu juga dipercayai mampu mempengaruhi komitmen terhadap organisasi (O'Reilly & Chatman, 1986). Sigal (1986) pernah membincangkan sebahagian besar organisasi berita seperti mana organisasi-organisasi lain turut mempunyai pelbagai jenis kekangan yang berpunca daripada pelbagai faktor termasuklah birokrasi malahan politik organisasi. Pekerja media biasanya terbahagi mengikut pengkhususan peranan atau fungsi, kerja dan sempadan geografi. Wartawan bukan sahaja dibezakan kepada wartawan ataupun editor, tetapi jenis berita yang dipertanggungjawabkan (sama ada *crime desk*, *sports*, dan sebagainya) dan di wilayah tempat bertugas. Diri individu wartawan juga merupakan sumber berita (Sundar & Nass, 2001) kerana pengolahan cerita dalam berita yang dihasilkan bergantung kepada ilmu dan kemahiran wartawan. Di samping itu terdapat juga faktor bukan organisasi yang memberi kesan ke atas kandungan media yang dikenali sebagai faktor *extramedia* dan ideologi. Faktor *extramedia* dipengaruhi oleh sumber maklumat, dasar kerajaan, sumber pendapatan, institusi-institusi sosial yang lain, persekitaran ekonomi, dan teknologi. Roslina Abdul Latif dan Faridah Ibrahim (2012) misalannya pernah melakukan kajian melihat bagaimana proses membuat keputusan di bilik berita dipengaruhi oleh dasar kerajaan. Peringkat ideologi sebenarnya turut menyentuh tentang isu-isu tingkah laku yang boleh dan tidak boleh diterima untuk menentukan kata sepakat untuk berkompromi yang lahir daripada hormat dan toleransi, mahupun menyelewengan daripada pendirian asal.

## Penerbitan Berita

Industri persuratkhabaran dalam konteks mediaskap baharu di Malaysia saban tahun semakin mencabar ekoran kemerosotan sirkulasi jualan edisi cetak yang membawa kepada kesan paling ketara iaitu pengurangan pekerja (*downsizing*). Senario ini telah mewujudkan dilema kepada sebahagian pekerja media yang sebelum ini meletakkan profesion kewartawanan sebagai suatu kerjaya yang mampu menjamin masa depan mereka. Baru-baru ini, ada cerita yang tersebar berkenaan dugaan yang terpaksa diharungi oleh *Utusan Malaysia* dan *Bernama* jelas mempunyai asasnya. Tiada siapa boleh menafikan populariti saluran media sudah berubah. Internet dan telefon pintar telah merubah kebergantungan rakyat Malaysia terhadap saluran-saluran media domestik untuk memperolehi apa yang dikehendaki. Ini juga bermaksud persaingan yang dihadapi oleh media tempatan Malaysia ialah pesaingan di pentas global, iaitu atas platform antarabangsa. Hal ini memerlukan suatu anjakan paradigma dalam kekreatifan kandungan penerbitan di Malaysia agar boleh terus mendapat tempat ataupun menembusi pasaran sengit ini. Apakah pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk penerbitan berita juga perlu berubah? Jawapannya semestinya ialah ‘ya’ kerana bukan sahaja asas kewartawanan itu memerlukan modifikasi tetapi banyak perubahan baharu juga perlu diadaptasi sesuai dengan sifat hibrid media baharu.

Menelusuri perspektif teori pembingkaian, peristiwa-peristiwa yang berlaku sebenarnya merupakan objek atau peristiwa yang tidak mempunyai apa-apa makna sehingga walaupun ‘mempakej’nya menjadi sebuah berita. Bagaimana untuk mempersempambahannya menjadi sebuah berita yang menarik dan bermakna kepada khalayak sasaran merupakan hasil inisiatif dan kekreatifan seseorang wartawan. Pembingkaian berita dipengaruhi oleh ideologi akhbar dan pengetahuan wartawan dan editor. Ini juga bermakna komitmen organisasi wartawan sama ada melalui wacana di dalam bilik berita berpandukan orientasi bersama dan rutin bilik berita adalah sangat penting kerana output penulisan wartawan dapat membimbing khalayak ke arah pemahaman tertentu (*point us in certain directions*) (Breed, 1955; & Donsbach, 2004). Semestinya khalayak tidak mahu dipersembahkan dengan berita-berita yang dibuat secara ala kadar mahupun bias memandangkan usaha-usaha ‘mempakej’nya menjadi sebuah berita dipengaruhi oleh pelbagai faktor kognisi individu (Wan Hua-Hsin, 2007).

Scheufele (1999) mencadangkan sekurang-kurangnya terdapat lima faktor yang berpotensi mempengaruhi bagaimana seseorang wartawan membingkai sesebuah isu yang diberikan iaitu nilai-nilai dan norma-norma sosial, halangan dan tekanan di tempat kerja, tekanan daripada kumpulan-kumpulan berkepentingan, rutin kerja kewartawanan dan orientasi ideologi dan politik diri wartawan. Kajian-kajian oleh Vreese (2004), Werder (2002) dan Semetko, Vreese dan Peter (2000) telah membincangkan keperihatinan kajian-kajian sebelum ini yang lebih cenderung menumpukan perhatian secara eksklusif kepada perbezaan ideologi-ideologi politik dan minat (sama ada daripada individu wartawan mahupun kolektif sesama ahli organisasi berita) berbanding dengan perbezaan-perbezaan yang berpunca daripada relativiti budaya.

Dalam kajian komunikasi keorganisasian, Faridah Ibrahim (1995) melihat peranan *stress* turut mempengaruhi pembuatan keputusan di dalam bilik berita. Herbert Simon (1965) dalam meneroka keseimbangan antara pembuatan keputusan individu (pekerja) dengan pembuatan keputusan organisasi (majikan) menekankan organisasi tidak mungkin dapat bersikap rasional sepenuhnya (dengan sempurna) kerana setiap individu mempunyai keupayaan yang terhad untuk memperolehi dan memproses maklumat. Individu dikatakan mempunyai maklumat terhad mengenai pilihan, nilai dan kebarangkalian pertimbangan yang menolong mereka membuat keputusan terbaik (yang berkesan) di samping kemahiran analitik untuk memberikan hasil yang terbaik juga berbeza-beza mengikut individu. Sesungguhnya kerjaya dalam bidang kewartawanan terikat dengan batas masa (*deadline*) setiap hari, kajian lanjut oleh Faridah Ibrahim turut merangkumi perbincangan kepentingan falsafah dan etika

kewartawanan (2001) dan menyentuh soal profesionalisme dalam menangani *stress* (2003) dalam profesi kewartawanan.

Tiada siapa boleh menyangkal dunia kewartawanan telah berubah seiringan dengan pembaharuan mediaskap bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh Dunia. Perkembangan teknologi maklumat menyaksikan kecepatan dan ketepatan maklumat yang dilaporkan menjadi persoalan pokok penentu kredibiliti dan *survival* sesebuah portal berita. Khalayak pada hari ini mengakses berita di mana-mana sahaja malahan tidak memerlukan mereka mencaripun kerana boleh jadi adalah *push news* yang dikongsi atau dihantarkan kepada mereka. Soal teknologi sebenarnya bukanlah sesuatu yang baharu kerana sarjana-sarjana seperti Halloran, Elliot dan Murdock (1970) dari dulu lagi pernah menjalankan kajian perbandingan antara media tetapi mendakwa teknologi gagal mempengaruhi orientasi politik dan rutin pengumpulan berita. Apakah konteks pada ketika itu berbeza dengan konteks masa kini yang mana gajet komunikasi telah merubah seluruh konteks gaya hidup masyarakat?. Benar Jeff Jarvis (2011) kata “*The mass market is dead, replaced by the mass of niches*”, tapi model kewartawanan itu sebenarnya berkembang seiringan dengan perkembangan tabii’ pengguna media (massa). Kewartawanan itu tidak mungkin akan mati kerana masyarakat memerlukan maklumat. Meskipun akhbar cetak mungkin tidak relevan lagi tetapi formatnya mungkin boleh diubah seperti kurikulum kewartawanan yang telah diadaptasi berdasarkan perubahan ini seperti kursus fotografi yang disejalankan dengan kemahiran menerangkan drone untuk mengambil gambar dan video. Ini bermakna wartawan masa kini sememangnya dipacu dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh dunia kewartawanan masa kini.

Sarjana seperti Scheufele (1999) pula berhujah pembingkaian adalah ‘hubungan mental’ (*resonans*) antara isu-isu dan idea-idea yakni merujuk kepada interaksi dalam diri individu seseorang wartawan berdasarkan pelbagai faktor untuk menentukan pemilihan dan konstruk bingkai. Pandangan-pandangan mereka didukung oleh Vreese (2003) yang menekankan pembinaan-bingkai iaitu bagaimana wartawan dan organisasi berita membingkai sesuatu objek (peristiwa, perkara mahupun isu) yang dipengaruhi oleh interaksi antara faktor-faktor internal dan eksternal yang dilihat oleh wartawan. Faktor-faktor internal adalah seperti nilai berita kewartawanan, strategi pemasaran dankekangan-kekangan organisasi akhbar. Faktor-faktor eksternal ini meliputi ideologi politik, sensitiviti diplomasi, sejarah dan sumber-sumber organisasi, dan kepentingan nasional (Jin Yang, 2003). Dapatkan kajian Yang (2008) seterusnya menjelaskan bahawa faktor di sebaliknya lebih banyak didorong oleh kepentingan nasional.

### Pendekatan Tingkahlaku Organisasi

Kajian-kajian daripada sarjana-sarjana khususnya Graber (1997), Shoemaker dan Reese (1996), dan Gans (1979) telah berjaya memperoleh bukti-buktii konsisten yang menunjukkan kandungan berita bukannya suatu entiti yang objektif dan bebas daripada pengaruh politik, sosial, ideologi mahupun sosio-psikologi. Sebaliknya kandungan berita banyak dipengaruhi oleh pelbagai faktor kognisi individu yang lahir daripada faktor-faktor dalam dan luaran organisasi yang bertindak sebagai stimuli, rangsangan dan motivasi yang menentukan komitmen seseorang wartawan terhadap tanggungjawab dan tugasannya. Ini bermakna tiada berita yang betul-betul bebas daripada bias seorang wartawan. Bezanya sebenarnya adalah sama ada sudut pandangan yang disampaikan oleh wartawan atau saluran media sama atau tidak dengan pendirian mahupun minat diri individu berkenaan yang akan mendorongnya untuk terus mengikuti atau bertukar kepada saluran media lain. Seseorang itu akan berkecenderungan memilih saluran media yang menyampaikan kandungan yang memenuhi citarasa, ideologi dan pendiriannya.

Terdapat dua perspektif mengenai hubungkait antara pemilikan akhbar dengan kandungan akhbar. Dapatan kajian oleh Hollifield (1999 & 2006) menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara akhbar milik tempatan dengan akhbar milik asing dalam liputan berita tempatan. Akhbar milik tempatan lebih cenderung mempertimbangkan soal kepentingan nasional tetapi akhbar luar negara lazimnya akan melihat dari sudut pandangan yang berkepentingan kepada mereka. Begitupun, terdapat juga dapatan-dapatan kajian seperti oleh Akhavan-Majid dan Boudreau (1995) yang menunjukkan editor mempunyai pengaruh yang lebih tinggi ke atas kandungan media berbanding dengan pemilik akhbar. Kajian Lacy (1991) mendapati pemilik akhbar tidak mempunyai pengaruh langsung ke atas bagaimana berita ditulis tetapi masih mempunyai impak daripada segi jumlah ruangan untuk seseorang wartawan dan penggunaan ruangan editorial.

Brown (1996) berpendapat kerangka kajian komitmen dalam penyelidikan dewasa kini dikenali sebagai pendekatan tingkahlaku organisasi. Istilah ‘komitmen’ bermaksud kesediaan menyerahkan kuasa dan kesetiaan berdasarkan pertimbangan yang waras untuk terikat daripada segi emosi dan intelektual terhadap perbuatan. Ia boleh jadi komitmen terhadap sesebuah hubungan mahupun kepada sesebuah kumpulan atau organisasi. Ia berpendapat bahawa komitmen paling baik dikonseptualisasikan sebagai satu konstruk asas tunggal yang berbeza mengikut perbezaan fokus, istilah, dan penilaian khusus waktu. Sarjana seperti Angle dan Perry (1981) berpendapat bahawa konsep komitmen akan memperlihatkan hubungan antara sikap dengan tingkahlaku kerana komitmen dianggap atribut pekerja yang stabil. Hubungan di tempat kerja turut menentukan bentuk komunikasi dan keakraban yang wujud di tempat kerja. Meskipun kajian komitmen organisasi oleh Mohamad Said Awang dan Zulhamri Abdullah (2012) bukan menjurus kepada pekerja media, hasil kajian mereka menunjukkan wujud hubungan positif yang signifikan antara corak kepimpinan dengan komitmen, di samping mendedahkan erti penting gaya komunikasi yang digunakan. Keperihatinan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi kestabilan dan intensiti dedikasi pekerja terhadap organisasi sebagai majikannya dalam industri persuratkhabaran telah menjadi pendorong utama kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti aspek-aspek kognisi wartawan yang mempengaruhi komitmen organisasi.

Pekerja dan majikan seharusnya berkongsi satu set ideologi yang sama, bagaimanapun, proses pertukaran dan toleransi di antara ideologi individu dan ideologi organisasi bukannya suatu yang mudah berlaku (Simons & Ingram, 2004). Pelbagai faktor seperti sentimen kerja, sentimen professional, kepuasan kerja dan demografi individu boleh membentuk nilai-nilai seseorang yang akhirnya mempengaruhi proses integrasi dalam mencari persamaan ideologi untuk membentuk tanggungjawab kolektif. Usaha merungkai variabel-variabel ini dipercayai mampu membantu mempermudahkan kefahaman mengenai komitmen pekerja terhadap organisasinya. Ini juga bermakna kajian ini lebih berorientasikan individu (*individual centric*). Begitupun, sebenarnya sukar menolak aspek-aspek kognitif penting diambilkira kerana wartawan mahupun editor dalam tugas penerbitan berita sebenarnya merupakan pengampang (*gatekeeper*) yang mengumpul maklumat yang diperlukan untuk berita, mempakejnya dan menyampaikannya untuk penyebaran am. Kajian yang pernah dilakukan oleh Dunegan (1993) mendedahkan pembingkaian yang dilakukan oleh wartawan boleh dianggap sebagai bias disebabkan oleh perbezaan tahap kognitif wartawan. Pembingkaian secara negatif maupun positif akan mempengaruhi pemprosesan dan seterusnya interpretasi khalayak terhadap mesej yang diterima.

Mueller dan Straatmann (2014) memetik takrifan popular bagi komitmen organisasi oleh Meyer dan Allen (1997) sebagai ‘keadaan psikologi yang (a) menghuraikan hubungan pekerja dengan organisasi, dan (b) mempunyai implikasi ke atas kelangsungan pekerja berkenaan dalam organisasi.’ Komitmen organisasi dipercayai mempunyai tiga komponen penting iaitu pertamanya, kepercayaan yang tinggi dan penerimaan matlamat-matlamat

organisasi. Keduanya, kerelaan untuk menggunakan usaha yang besar bagi pihak organisasi dan ketiganya, keinginan yang jelas untuk meneruskan keahlian organisasi. Analisis Meyer dan Allen (1997) telah menghuraikan komitmen organisasi yang boleh dikategorikan kepada tiga dimensi yang dikenali sebagai keberkesanan atau komitmen sikap, yang diambil daripada pengalaman kerja positif, kesinambungan komitmen yang bermula daripada komitmen sebelumnya dan kemungkinan kos yang perlu dibayar sekiranya meninggalkan organisasi, dan komitmen nomatif, iaitu kesetiaan, atau rasa kewajiban untuk tetap bersama dengan organisasi. Faedah dan ganjaran yang diperolehi oleh pekerja semestinya menjadi pertimbangan utama pekerja manakala prioriti majikan pula ialah output kerja. Hubungannya adalah lebih tinggi faedah maka lebih tinggi komitmen organisasi. Dalam dunia kewartawanan, output itu merujuk kepada berita-berita yang dihasilkan oleh wartawan. Feldman (1981) merumuskan penyertaan anggota atau pekerja bukan sahaja menggalakkan ahli untuk menyertai dan kekal dalam sesuatu organisasi tetapi kepuasan kerja turut memainkan peranan penting dalam menentukan kesediaan dan keinginan untuk terus berkhidmat berdasarkan taxonomi motivasi (*motivational taxonomies*).

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor kognisi wartawan yang mempengaruhi penerbitan berita. Faktor-faktor ini dipecahkan kepada sifat-sifat organisasi dan aspek-aspek kognisi wartawan. Sifat-sifat organisasi merujuk kepada keadaan kerja. Faktor ini diambil kira kerana ia berperanan penting dalam menentukan kepuasan kerja para pekerja berita. Aspek kognisi pula merangkumi empat kluster pembolehubah iaitu sentimen kerja, sentimen profesional atau sikap terhadap profesion, kepuasan kerja dan latar belakang diri yang merujuk kepada variabel-variabel demografi.

Usaha sebegini dilihat amat penting kerana kajian-kajian komitmen organisasi sebelum ini menunjukkan pihak majikan akan menanggung kos yang tinggi apabila pekerja meninggalkan organisasi atau pekerja gagal mencapai prestasi kerja yang memuaskan walhal pihak majikan sebenarnya boleh membantu meningkatkan prestasi kerja pekerja-pekerjanya melalui usaha-usaha seperti latihan, ganjaran dan sebagainya. Situasi ini sangat relevan dengan ciri-ciri industri persuratkhabaran yang bukan sahaja sangat mencabar tetapi sangat terdedah kepada pelbagai risiko, seperti kemalangan sewaktu ke lokasi berita dan saman malu yang mencecah jutaan ringgit. Industri persuratkhabaran merupakan salah satu sektor pekerjaan yang paling tinggi pekerjanya (wartawan-wartawan) berpindah kerja dari sebuah organisasi akhbar ke organisasi akhbar lain mahupun ke sektor pekerjaan lain.

## METODOLOGI

Kajian ini dilakukan sebelum *Utusan Malaysia* mengantungkan operasi mereka dan *New Straits Times* (NST) mulai memberhentikan sebahagian daripada pekerja mahupun menempatkan semula pekerja ke wilayah lain. Kajian ini menggunakan kaedah survei (tinjauan) dengan menggunakan satu set borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Responden kajian daripada kalangan wartawan- dari organisasi berita akhbar arus perdana di Malaysia. Teknik persampelan yang digunakan adalah persampelan *snowball* iaitu menghubungi wartawan mahupun editor yang dikenali di akhbar-akhbar berkenaan dan meminta bantuan mereka mengedarkan borang soal selidik tersebut kepada rakan-rakan sekerja mereka. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan sejumlah responden (wartawan-wartawan dari akhbar-akhbar arus perdana di Malaysia) yang mampu memberikan suatu kefahaman yang kontekstual dan boleh digeneralisasikan. Penggunaan survei dalam bidang kewartawanan bukannya sesuatu yang baru malah telah banyak dibincangkan oleh sarjana-sarjana komunikasi

misalnya Weaver berasaskan survei wartawan-wartawan Amerika Syarikat (Stempel, Weaver & Whilhoit, 2003; Weaver & Gray, 1980). Kesesuaian survei juga boleh dirujuk kepada penjelasan-penjelasan daripada sarjana-sarjana seperti Babbie (1997) khususnya bila melibatkan pengumpulan persepsi dan jumlah responden yang ramai. Keseluruhannya, sebanyak 393 jawapan responden daripada sasaran asal persampelan 400 borang soal selidik telah diterima untuk dianalisis untuk kajian ini.

Kajian ini turut menyenarai pendek beberapa faktor eksternal organisasi yang dikenalpasti menerusi sorotan literatur untuk diuji. Begitupun, hasil ujian kebolehpercayaan koefisien (*Cronbach's alpha*) yang dilakukan berdasarkan ujian rintis (*pilot test*) membawa kepada hanya satu sahaja variable tersebut dikekalkan iaitu perundangan komunikasi. Faktor-faktor lain seperti berkhidmat untuk kerajaan memerintah (*serving the government of the day*) semuanya menunjukkan nilai alpha di bawah .3 memaksa ia dikeluarkan daripada borang sosal selidik. Nilai Alpha minimum yang membolehkan diterima telah ditetapkan pada aras 0.6 untuk kajian ini meskipun lebih tinggi adalah lebih baik mengambil kira hujah-hujah daripada Hulin, Netemeyer dan Cudeck (2001), Cortina (1993), Cronbach (1951) dan ramai lagi.

## DAPATAN KAJIAN

Perincian pembahagian responden mengikut akhbar ditunjukkan dalam jadual di bawah:

**Jadual 1** Taburan Responden Mengikut Akhbar

Akhbar	Kekerapan (f)	Peratus (%)
<i>Utusan Malaysia</i>	46	11.70
<i>Berita Harian</i>	34	8.65
<i>Harian Metro</i>	33	8.40
<i>New Straits Times</i>	30	7.63
<i>Sin Chew Daily</i>	32	8.14
<i>Nanyang Siang Pau</i>	36	9.16
<i>China Press</i>	25	6.36
<i>Daily Express</i>	16	4.07
<i>The Borneo Post (Sabah)</i>	10	2.54
<i>New Sabah Times</i>	11	2.80
<i>See Hua Daily (Sabah)</i>	10	2.54
<i>Utusan Borneo (Sabah)</i>	10	2.54
<i>The Borneo Post (Sarawak)</i>	16	4.07
<i>Eastern Times (*New Sarawak Tribune)</i>	16	4.07
<i>See Hua Daily (Sarawak)</i>	17	4.33
<i>International Times</i>	17	4.33
<i>Utusan Borneo (Sarawak)</i>	17	4.33
<i>Utusan Sarawak</i>	17	4.33
<b>Jumlah</b>	<b>393</b>	<b>100.0</b>

N = 393

Merujuk kepada Jadual 1 di atas, wartawan dari akhbar *Utusan Malaysia* mencatatkan bilangan responden yang paling tinggi iaitu sebanyak 46 orang responden daripada jumlah keseluruhan 393 orang responden yang diperolehi dengan mencatatkan 11.7 peratus. Responden dari akhbar-akhbar dari Sarawak mewakili 25.5 peratus keseluruhan responden kajian ini iaitu bersamaan dengan 100 orang responden. Wartawan akhbar *China Press* mencatatkan sejumlah 25 orang responden iaitu 6.6 peratus daripada jumlah keseluruhan

responden kajian ini. Responden dari akhbar *Utusan Borneo* di Sabah mencatatkan bilangan yang terendah iaitu sebanyak empat orang responden sahaja atau 1.0 peratus daripada keseluruhan responden yang diperolehi.

### Faktor Penentu Komitmen Organisasi

Beberapa perbezaan signifikan telah ditemui di antara item-item yang diuji dan ditunjukkan dalamuraian-huraian di bawah: -

#### Analisis hubungan faktor-faktor kognisi dengan komitmen organisasi

Kajian ini membahagikan faktor-faktor internal organisasi kepada dua kluster utama iaitu faktor-faktor organisasi berita dan aspek-aspek kognisi wartawan yang mempunyai empat sub-kluster yakni sentimen kerja, sentimen profesionalisme, kepuasan kerja dan latar belakang diri individu. Secara keseluruhannya, faktor kognitif diukur menggunakan pengukuran skala Likert-5 di mana nilai tertinggi menunjukkan hubungan yang kuat bagi sesama variabel yang dikaji. Perkara utama dan paling penting yang ingin ditekankan di sini daripada hasil analisis regresi yang ditunjukkan dalam jadual di bawah ialah nilai signifikan sama ada  $p$  di bawah aras 0.01. Nilai  $p$  di bawah aras 0.05 untuk menunjukkan wujud hubungan yang signifikan dengan semua variabel kajian yang diuji dalam Jadual 1 di bawah. Nilai  $F = 72.168$  adalah signifikan di bawah aras .01. Nilai  $\beta$  yang masing-masing ditunjukkan pada setiap variabel memberitahu peningkatan setiap unit variabel terbabit akan menyumbang secara bererti kepada pertambahan komitmen organisasi. Nilai  $R^2 = .537$  menunjukkan kumulatif variabel-variabel kognisi di atas mengandungi 53.7 peratus hubungan ramalan ke atas komitmen organisasi.

**Jadual 1** Hubungan Faktor-faktor Kognisi dengan Komitmen Organisasi

No.	Variabel Bebas (Faktor-faktor Kognisi Wartawan)	min ( $\mu$ )	Beta ( $\beta$ )
<b>INTERNAL ORGANISASI BERITA</b>			
A(1).	<b>Faktor-faktor Organisasi Berita</b>		
	Kaedah penilai kerja	3.67	.987**
	Orientasi organisasi	3.63	.529**
	Masa tamat	3.59	.306**
	Penilaian organisasi	3.58	.725**
	Kewujudan organisasi pekerja	3.37	.394**
	Saiz organisasi	3.24	.243**
	Ideologi organisasi	3.23	.755**
A(2).	<b>Aspek-aspek Kognisi Wartawan</b>		
A(2)(i).	<b>Sentimen Kerja</b>		
	Hormat kepada ketua	3.77	.566**
	Persetujuan dengan organisasi	3.73	.141**
	Nilai kerja	3.66	.530**
	Ideologi individu	3.48	.696**
A(2)(ii).	<b>Sentimen Profesionalisme</b>		
	Penglibatan profesional	3.80	.850**
	Rangkaian profesional	3.76	.368**
	Permuafakatan nilai	3.37	.590**
	Keharmonian mental	3.33	.994**
	Penyesuaian harapan	3.25	.273**

<b>A(2)(iii). Kepuasan Kerja</b>		
Kepuasan dengan sifat-sifat penting kerja	3.90	.035*
Pendapatan	3.81	.996**
Kepuasan secara umum	3.76	.003*
Autonomi dalam pembuatan keputusan	3.66	.732**
Maklum balas komuniti	3.58	.497**
Kemudahan akses kepada sumber	3.56	.000*
Pengalaman peribadi	3.33	.000*
Kemasyhuran wartawan	3.28	.747**
<b>A(2)(iv). Latar Belakang Individu</b>		
Tahap pendidikan	3.80	.495**
Latihan & pembangunan profesional	3.72	.957**
Minat kendiri	3.65	.961**
Nilai sistem budaya	3.43	.166**
Hubungan dengan organisasi Lain	3.35	.167**
Perasaan emosi individu	3.35	.111**
Umur	3.27	.385**
Status perkahwinan	2.90	.328**
Saiz keluarga	2.77	.969**
<b>B. EKSTERNAL ORGANISASI MEDIA (Faktor-faktor Bukan Organisasi)</b>		
Perundangan komunikasi	3.59	.306**

**R<sup>2</sup> = .537**

**Adjust R<sup>2</sup> = .529**

**Sig. F = 72.168\*\***

Sig. = .000 (\*\*p < 0.01, \*p < 0.05)

Variabel bergantung: Komitmen Organisasi

N = 393

Kaedah penilaian kerja yang digunakan oleh organisasi berita adalah faktor yang paling berpengaruh dalam mempengaruhi komitmen organisasi dalam kalangan wartawan dan editor akhbar-akhbar arus perdana di Malaysia dengan nilai  $\beta = .987$ . Manakala, memberitahu peningkatan setiap unitnya menyumbangkan kepada pertambahan .987 terhadap komitmen organisasi. Orientasi organisasi dikenalpasti sebagai variabel kedua tertinggi berpengaruh tetapi peningkatan setiap unitnya menyumbang pertambahan komitmen organisasi kurang daripada penilaian organisasi dan ideologi organisasi. Dapatkan kajian menterjemahkan bahawa penulisan laporan oleh wartawan sebenarnya ditentukan oleh kehendak *stakeholder* sesebuah akhbar itu sendiri. Kajian ini turut mendapati masa tamat, kewujudan organisasi pekerja dan saiz organisasi turut mempengaruhi komitmen organisasi.

Dalam perbincangan kluster aspek-aspek kognisi individu wartawan, penyumbang utama di bawah kluster sentimen kerja adalah variabel hormat kepada ketua disusuli persetujuan dengan organisasi dan seterusnya nilai kerja. Di bawah sub-kluster ini, ideologi individu yang menduduki tangga tercorot dengan nilai min 3.48 pula yang menunjukkan peningkatan setiap unitnya paling besar menyumbang kepada peningkatan komitmen organisasi iaitu dengan nilai  $\beta = .696$ .

Sentimen profesionalisme memperlihatkan penglibatan profesional dan rangkaian profesional telah dikenalpasti sebagai dua faktor paling berpengaruh menentukan komitmen organisasi. Tiga lagi variabel yang berteraskan toleransi dan tolak-ansur wartawan iaitu permuafakatan nilai, keharmonian mental dan penyesuaian (*adaptability*) harapan semuanya dikenalpasti mempunyai hubungan yang signifikan ke atas komitmen organisasi. Sepercara menarik di sini adalah peningkatan setiap unit variabel keharmonian mental ditunjukkan paling tinggi menyumbang kepada komitmen organisasi jika dibandingkan dengan variabel-variabel lain di bawah sub-kluster tersebut dengan nilai  $\beta = .994$ .

Sub-kluster kepuasan kerja mempunyai paling banyak variabel dengan hasil analisis menunjukkan peningkatan setiap unit pendapatan wartawan mahupun editor menyumbang kepada pertambahan komitmen organisasi yang paling tinggi berdasarkan nilai  $\beta = .996$  meskipun kepuasan dengan sifat-sifat penting kerja mencatatkan nilai min yang paling tinggi ( $\mu = 3.9$ ). Terdapat tiga variabel dikenalpasti mempunyai hubungan yang signifikan dengan komitmen organisasi tetapi peningkatan setiap unitnya tidak menyumbang kepada peningkatan komitmen organisasi iaitu kemudahan akses kepada sumber, pengalaman peribadi dan kepuasan secara umum. Sepercara menarik yang ditunjukkan dalam jadual hasil analisis regresi adalah kemasyhuran wartawan memainkan peranan penting komitmen seseorang wartawan mahupun editor terhadap organisasinya ( $\mu = 3.9$ ,  $\beta = .747$ ). Bergitu juga autonomi dalam pembuatan keputusan dengan nilai min 3.66 ( $\beta = .732$ ).

Variabel daripada sub-kluster yang berorientasikan faktor-faktor individu yang mempengaruhi komitmen organisasi ialah tahap pendidikan berdasarkan nilai min 3.8. Begitupun, saiz keluarga di samping keseimbangan fokus terhadap keluarga dan kerjaya, minat kendiri dan latihan dan pembangunan kerjaya professional yang masing-masing menduduki tangga terbawah, kedua dan ketiga di dalam sub-kluster ini pula yang ditunjukkan berupaya menyumbang paling besar kepada peningkatan komitmen organisasi berdasarkan nilai  $\beta$  masing-masing .969, .961 dan .957. Tiga faktor yang dikenalpasti mempunyai hubungan signifikan tetapi kurang berpengaruh ialah perasaan emosi individu, hubungan dengan organisasi lain dan nilai sistem budaya. Di samping ini, umur dan status perkahwinan iaitu dua variabel demografi turut ditunjukkan mempunyai hubungan yang sangat signifikan dengan komitmen organisasi dengan nilai  $p$  di bawah aras 0.01.

## PERBINCANGAN DAN GENERALISASI

Keseluruhan pola kognisi yang diperolehi menunjukkan peri pentingnya untuk mengelak daripada melakukan andaian mudah (*simplistic assumptions*) tentang peranan faktor-faktor kognisi terhadap komitmen organisasi yang akhirnya diterjemahkan ke dalam prestasi kerja. Aspek-aspek yang diteliti ini bukan sahaja penting untuk meramal komitmen wartawan tetapi juga boleh digunakan sebagai peramal komitmen firma akhbar terhadap pekerja-pekerjanya. Analisis hubungan di tempat kerja mendapati aktor-faktor internal telah dikenalpasti sebagai penyumbang dominan kepada komitmen organisasi dengan kluster sentimen profesionalisme wartawan menduduki tangga teratas dan diikuti rapat sentimen kerja dan seterusnya kepuasan kerja.

Meskipun pelbagai tekanan internal dan eksternal yang dipercayai akan mempengaruhi keputusan jurnalistik semasa proses penerbitan berita sehingga adakah menyebabkan pelaporan yang berat sebelah mahupun tidak beretika, hasil kajian ini menunjukkan faktor-faktor internal organisasi lebih mempengaruhi proses penerbitan berita. Dalam konteks organisasi media, banyak faktor internal dan eksternal organisasi media yang berpotensi mempengaruhi sesuatu pelaporan berita di samping isu atau peristiwa itu sendiri yang tidak mungkin atau agak sukar difahami orang awam. Wartawan hanyalah orang perantara yang membawa ‘khabar’ mengenai sesuatu peristiwa dan sentiasa menghadapi banyak halangan dan

terikat dengan pelbagai batasan seperti yang dibincangkan di atas. Perbincangan daripada segi penyelidikan teori pembingkaian merupakan teori ‘kuasa media’ yang paling popular pada dewasa ini bermula daripada pandangan-pandangan sarjana seperti Weaver (2007). Pan dan Kosicki (1993) mempunyai tiga persoalan asas yang sering-kali cuba diterokai iaitu pertamanya, bagaimana media menetapkan bingkai untuk audiens, bagaimana faktor sosial semasa mempengaruhi kerja (proses) pembingkaian, dan bagaimana publik menerima bingkai media berkenaan. Persoalan kedua Pan dan Kosicki (1993) tersebut sebenarnya dikongsi bersama oleh Gans (1980), Gitlin (1980) dan Tuchman (1978) menerusi beberapa kajian kualitatif mereka. Kajian survei ini sedikit-sebanyak dipengaruhi oleh Reber dan Berger (2005) dalam mengendalikan kajian bersifat empirikal untuk pembinaan bingkai (*frame building*) yang cuba meneroka aspek-aspek yang mempengaruhi pembikinan sesebuah berita.

Pihak organisasi berita semestinya juga mempunyai komitmen daripada segi tanggungjawab kewangan (misalannya bayar gaji mengikut masa), perlindungan dari segi perundangan sekiranya wartawan mereka dikenakan tindakan perundangan seperti kes wartawan Tan Hoon Cheng yang mendapat sokongan *Sin Chew Daily* apabila beliau ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 pada September 2008. Pihak organisasi juga sepautnya memastikan moral wartawan-wartawan sentiasa dalam keadaan yang kuat agar dapat menyediakan ruang yang kondusif untuk mereka bekerja dan berkhidmat dengan sepenuh hati. Bergitupun, setiap organisasi akhbar kebiasaannya juga mempunyai nilai-nilai budaya kerja yang dikongsi bersama oleh semua kakitangannya. Akhbar-akhbar seperti *The Star*, *Utusan Malaysia*, *China Press*, *Sin Chew Daily*, dan *Daily Express* masing-masing pasti ada pendekatan tersendiri yang dapat membantu mereka mencipta status yang ada pada mereka hari ini. Ini bermakna mana-mana individu yang ingin menyertai mana-mana organisasi akhbar haruslah bersedia memahami dan menerima nilai-nilai yang ada dalam organisasi terbabit. Sokongan yang diperolehi oleh organisasi bergantung kepada sebab-sebab yang sama seperti spek-aspek sifat-sifat organisasi, latihan yang diperolehi (*job enrichment*) dan demografi wartawan turut didapati memainkan peranan penting menentukan komitmen seseorang wartawan terhadap kerja mereka.

Hasil analisis kajian secara jelas dan kritis menunjukkan faktor-faktor internal lebih berpengaruh daripada faktor eksternal dalam perbincangan komitmen organisasi. Kluster yang paling berpengaruh ialah profesionalisme wartawan diikuti oleh sentimen kerja dan seterusnya kepuasan kerja. Manakala faktor luaran, perundangan komunikasi massa yang berperanan mengawal selia produk kewartawanan merupakan satu-satunya aspek yang didapati berpengaruh mempengaruhi komitmen organisasi wartawan. Faktor seperti persaingan daripada media lain tidak dinafikan memainkan peranan penting. Pengurusan organisasi bertindak sebagai penganalisis dan penggubal dasar dan realitinya wartawan yang berperanan sebagai pekerja akan bekerja berpandukan kepada dasar yang telah digariskan. Keadaan sebegini akan membawa kembali kepada faktor internal di akhirnya. Organisasi itu dengan sendirinya akan beradaptasi dengan kehendak stakeholder di mana mereka turut menyesuaikan diri dengan tuntutan persekitaran dan senario teknologi masa kini.

Dapatan kajian ini menunjukkan komitmen organisasi mempengaruhi darjah kesediaan pekerja untuk menyumbang ke arah pembangunan dan kelangsungan serta survivaliti akhbar mereka. Seperti mana menurut Vreese (2003), ‘berita’ merupakan hasil interaksi antara faktor-faktor internal dan eksternal dgn maklumat peristiwa yg yang dikumpul. Wujud perkaitan antara faktor-faktor kognisi individu yang dipengaruhi oleh perlakuan organisasi dengan komitmen organisasi dalam pemilihan wartawan dan editor di organisasi media sebagai subjek kajian. Model kajian ini sebenarnya boleh diaplikasikan di semua jenis organisasi. Sebagaimana menurut Tewksbury dan Higgins (2006), ia semuanya sebenarnya berkisar kepada mencari keseimbangan ‘hubungan mental’ di antara variabel-variabel yang terbit daripada perbincangan komitmen organisasi.

Kajian masa akan datang memperkembangkan instrumen kajian *Survey of Perceived Organizational Support (SPOS)* dalam kajian ini daripada skala Likert 5-mata kepada 7-mata (*1 = strongly disagree, 7 = strongly agree*). Variabel-variabel yang diuji dalam kajian ini boleh diperkembangkan lagi kerana makin terperinci bermakna makin tepat perwakilan (*representativeness*) pengukurannya. Kajian masa akan datang turut boleh mempertimbangkan analisis dari kaca mata organisasi kerana dapatan kajian ini berpusat pada perspektif pekerja (yakni berorientasikan individualistik) sebagaimana yang disebut di awal kajian terutamanya variabel-variabel berkenaan dengan sokongan organisasi (*organizational support*) diterima oleh wartawan dan editor. Kemudahan yang disediakan oleh organisasi kebiasaannya disasarkan untuk kepentingan kumulatif keseluruhan warga organisasi dan ini sering menyebabkan ada pihak-pihak tertentu yang tercicir disebabkan oleh profil kerja masing-masing.

## KESIMPULAN

Komitmen organisasi seseorang wartawan akan menentukan produktiviti kerja ini penting. Aspek-aspek kognitif, sikap dan tingkahlaku diri wartawan dan daripada khalayak (publik) penting bagi membantu mempertingkatkan kefahaman tentang bagaimana bingkai-bingkai akhbar dikonstruk. Meskipun industri persuratkhabaran bukannya suatu industri ‘*sunset*’ di Malaysia tetapi semua akhbar tiada pilihan lain selain berubah dan menyesuaikan diri mereka dengan mediaskap baharu dan perubahan citarasa khalayak media massa masa kini. Wartawan juga dipercayai akan cuba mencari resonans antara kesesuaian akhbar mereka dengan ramalan kehendak pembaca mereka dan hasil daripada itu menghasilkan beritanya. Turut tidak dinafikan bahawa setiap kandungan yang ada di dalam sesebuah berita yang dibaca merupakan hasil interaksi daripada wartawan yang bertindak sebagai pekerja, organisasi yang bertindak sebagai penganalisis dan penggubal dasar serta stakeholder yang memainkan peranan yang cukup besar dalam mempengaruhi sesebuah akhbar. Turut tidak dinafikan wartawan mempunyai isu kebertanggungjawaban yang tinggi berikutan komitmen mereka dalam penghasilan berita. Justeru, dapatlah disimpulkan bhawa kesemua entiti yang terlibat sebenarnya masing-masing memainkan peranan yang cukup penting bagi memastikan penghasilan sesebuah produk berita.

## PENGHARGAAN

Kajian ini ditaja Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), kod kajian: FRG0329-SS-1/2013 dengan tajuk *Pengkonsep Semula Model Pembingkai untuk Pemberitaan di Malaysia*.

## RUJUKAN

- Akhavan-Majid, & Boudreau, T. (1995). Chain Ownership, Organizational Size, and Editorial Role Perceptions. *Journalism & Mass Communication Quarterly*, 72(4), 863-873.
- Angle, H.L., & Perry, J.L. (1981). An Empirical Assessment of Organizational Commitment and Organizational Effectiveness. *Administrative Science Quarterly*, 26(1), 1-14.
- Babbie, E.R. (1997). *Survey Research Methods (revised edition)*. Belmont, CA: Wadsworth Publications.
- Brown, R.B. (1996). Organizational Commitment: Clarifying the Concept and Simplifying the Existing Construct Typology. *Journal of Vocational Behavior*, 49(3), 230-251.

- Cortina, J.M. (1993). What is coefficient alpha? An examination of theory and applications. *Journal of applied psychology*, 78(1), 98-104.
- Donsbach, W. (2004). Psychology of News Decisions: Factors Behind Journalists Professional Behavior. *Journalism*, 5(2), 131-157.
- Dunegan, K. J. (1993). Framing, cognitive modes and image theory: Toward an understanding of a glass half full. *Journal of Applied Psychology*, 78(3), 491–503.
- Faridah Ibrahim. (1995). *Participation in newsroom decision-making: a study in role stress*. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication*, 11, 43-59.
- Faridah Ibrahim. (2001). *Predictors of role stress among Malaysian journalists in newsroom decision-making process*. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication*, 17, 119-137
- Faridah Ibrahim. (2003). *Falsafah dan etika kewartawanan di Malaysia: antara tuntutan profesionalisme dan kepentingan industri*. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication*, 19, 59-78.
- Feldman, D. (1981). The Multiple Socialization of Organization Members. *The Academy of Management Review*, 6(2), 309-318. Retrieved May 5, 2020, from www.jstor.org/stable/257888
- Gans, H. (1979). *Deciding What's News: A Study of CBS Evening News, NBC Nightly News, Newsweek and Time* New York: Random House.
- Gitlin, T. (1980). *The Whole World is Watching: Mass Media in the Making and Unmaking of the New Left*. Berkely, California: University of California Press.
- Graber, D.A. (1997). *Crime News and the Public*. New York: Praeger.
- Hollifield, C. (1999). Effects of Foreign Ownership on Media Content: Thomson Papers' Coverage of Quebec Independent Vote. *Newspaper Research Journal*, 20(1), 65-82.
- Hollifield, C. (2006). News Media Performance in Hypercompetitive Markets: An Extended Model of Effects. *International Journal on Media Management*, 8(2), 60- 69.
- Jin Yang. (2003). Framing the NATO Air Strikes on Kosovo Across Countries: Comparison of Chinese and US Newspaper Coverage. *International Communication Gazette*, 65(3), 231-249.
- Lacy, S. (1991). Effects of group ownership on daily newspaper content. *Journal of Media Economics*, 4(1), 35-47. DOI: [10.1080/08997769109358202](https://doi.org/10.1080/08997769109358202)
- Lee, B.B., Idowu A.S. & Robin, E.C. (1979). Reporters and Their Professional and Organizational Commitment. *Journalism Quarterly*, 56, 753-770.
- Meyer, J.P. & Allen, N.J. (1997). *Commitment in the Workplace: Theory, Research & Application*. Thousand Oaks: Sage.
- Mohamad Said Awang & Zulhamri Abdullah. (2012). Hubungan antara pertimbangan pemimpin, pertukaran komunikasi, dan komitmen organisasi. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication*, 28(1), 121-136.
- Mueller K., & Straatmann T. (2014). Organizational Commitment. In: Michalos A.C. (eds) *Encyclopedia of Quality of Life and Well-Being Research*. Springer, Dordrecht
- O'Reilly, C. & Chatman, J. (1986). Organizational Commitment and Psychological Attachment: The Effects of Compliance, Identification, and Dalamanization of Pro-Social Behaviour. *Journal of Applied Psychology*, 71, 492–499.
- Pan, Z. & Kosicki, G.M. (1993). Framing Analysis: An Approach to News Discourse. *Political Communication*, 10, 55-75.
- Roslina Abdul Latif, & Faridah Ibrahim. (2012). *A study on the decision-making process in newsrooms and government policies under Dato' Sri Mohd Najib's Administration: a Comparison between RTM and AstroAwani*. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication*, 28(2), 205-226.

- Reber, B.H. & Berger, B.K. (2005). Framing Analysis of Activist Rhetoric: How the Sierra Club Succeeds or Fails at Creating Salient Messages. *Public Relation Review*, 31, 185-195.
- Scheufele, D.A. (1999). Framing as a Theory of Media Effects. *Journal of Communication*, 49(1), 103-122.
- Seemetko, H.A., Vreese, C.H. & Peter, J. (2000). Europeanised politics – Europeanised Media? European Integration and Political Communication. *West European Politics*, 23(4), 121-142.
- Sigal, L.V. (1986). Sources are the News. Dlm. Manoff, R. & Schudson (pnyt.) *Reading the News*, hlm. 9-37. New York: Pantheon.
- Simons, T., & Ingram, P. (2004). An ecology of ideology: theory and evidence from four populations. *Industrial and Corporate Change*, 13(1), 33-59.
- Shoemaker, P.J. & Reese, S.D. (1996). *Mediating the Message: Theories of Influences on Mass Media Content*. (2<sup>nd</sup> Ed.). New York: Longman.
- Stempel, G.H., Weaver, D.H. & Wilhoit, G.C. (2003). *Mass Communication Research and Theory*. Boston: Pearson Education.
- Sundar, S.S. & Nass, C. (2001). Source Orientation in Human-Computer Interaction: Programmer, Networker, or Independent Social Actor? *Communication Research*, 27(6), 683-703.
- Tewksbury, R., & Higgins, G.E. (2006). Prison staff and work stress: The role of organizational and emotional influences. *American Journal of Criminal Justice* 30, 247–266 <https://doi.org/10.1007/BF02885894>
- Tuchman, G. (1978). *Making News: A Study in the Construction of Reality*. New York: Free Press.
- Vreese, C.H. de (2003). *Framing Europe: Television News and European Integration*. Het Spinhuis, Amsterdam: Transaction Publishers.
- Vreese, C.H. de (2004). The Effects of Strategic News on Political Cynicism, Issue Evaluation, and Policy Support: A Two-Wave Experiment. *Mass Communication & Society* 7(2): 191-214.
- Wan Hua-Hsin. (2007). Another Look at Framing: A Strategic Approach to Developing a Framework of Framing. Kertas kerja mesyuarat tahunan International Communication Association, TBA, San Francisco, 23 Mei 2007. [http://www.allacademic.com/meta/p171518\\_index.html](http://www.allacademic.com/meta/p171518_index.html) [14 Mac 2009].
- Wang, X.T. (1996). Framing Effects: Dynamics and Task Domains. *Organizational Behaviour and Human Decision Processes*, 68(2), 145-157.
- Weaver, D.H. & Gray, R.G. (1980). Journalism and Mass Communication Research in the United States. Dlm. Wilhoit, G.C. & de Bock, H. (pnyt.). *Mass Communication Review Yearbook*, hlm. 124–151. Beverly Hills, CA: Sage.
- Weaver, D.H. (2007). Thoughts on Agenda Setting, Framing, and Priming. *Journal of Communication*, 57, 142-147.
- Werder, O. (2002). Debating the Euro: Media Agenda-Setting in a Cross-National Environment. *Gazette*, 64(3), 219-233.
- Yang, Aimei. (2008). Building up a Cognitive-Sociological Model of Stereotypical Frames and Their Effects. Kertas kerja mesyuarat tahunan Association for Education in Journalism and Mass Communication, Marriott Downtown, Chicago, 6 Ogos 2008. [http://www.allacademic.com/meta/p272269\\_index.html](http://www.allacademic.com/meta/p272269_index.html) [14 Mac 2009].